

# Pemimpin China amat mesra, saling menghormati

Anwar tegaskan Malaysia berpendirian neutral, mahu jalin kerjasama semua negara

**Kuala Lumpur:** Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika merujuk kepada interaksi dengan Perdana Menteri China, Li Qiang mengetengahkan sikap kepimpinan China yang dianggapnya amat mesra dan saling menghormati, di samping menekankan kepada pemahaman mendalam mengenai perbezaan budaya antara negara.

Dalam ucapannya pada majlis makan tengah hari Komuniti Perniagaan Malaysia-China semalam, beliau menyentuh tentang skeptisisme yang sering dibangkitkan oleh pemerhati antarabangsa, khususnya dari negara Barat mengenai hubungan

dua hala yang ditingkatkan antara Malaysia dan China.

Beliau berkata, pengkritik kerap mempersoalkan sama ada perkongsian strategik yang komprehensif itu akan memudaratkan Malaysia, sebuah negara yang lebih kecil.

“Saya beri jaminan berdasarkan sejarah terdahulu dari zaman Maharaja di China dan Sultan Melaka. Lawatan Li Qiang, sahabat saya yang dihormati ini, telah membuktikan (kemesraan). Kami berbincang selama berjam-jam, tanpa sebarang keangkuhan atau ultimatum.

“Walaupun terdapat isu yang dipertikaikan, kita lihat mereka sebagai rakan kongsi dan sahabat yang dipercayai, ...terlibat dalam perbincangan selama beberapa jam sebagai rakan kongsi setara dan boleh dipercayai,” katanya.

Merujuk kepada skop kerjasama Malaysia-China yang lebih luas, Anwar menyentuh kepada perkara yang menjadi perhatian bersama seperti masa depan pendidikan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Kecerdasan Buatan (AI) dan kemajuan digital.

Beliau turut mengetengahkan

manfaat bersama mempelajari antara satu sama lain dan bekerjasama bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat di kedua-dua negara, serta kepentingan untuk memahami dan menghargai perbezaan budaya dan agama.

Perdana Menteri kemudian merujuk kepada penganjuran persidangan antarabangsa besar mengenai Islam dan Konfusianisme pada tahun 1995, yang memupuk prinsip etika di samping mengetengahkan amalan ekonomi berperikemanusiaan, dan beliau melahirkan rasa gembira kerana Li Qiang turut menyokong idea untuk meningkatkan pemahaman dan dialog antara Islam dan Konfusianisme.

“Saya memilih untuk menyentuh perkara ini kerana ia sendiri adalah satu teguran dan sanggahan terhadap propaganda berlebihan kononnya kita harus meyakini dan merasa bimbang akan dominasi China dari segi ekonomi, ketenteraan, teknologi.

“...Kita di Malaysia berpendirian neutral dan mempunyai keazaman untuk bekerjasama dengan semua negara dan dengan China, kita melihat Perdana Menteri Li Qiang sebagai rakan

yang akan bekerjasama dengan kita, berkolaborasi, serta membuktikan kepada dunia bahawa perpaduan, persahabatan ini amat bermakna,” katanya.

Majlis makan tengah hari itu turut dihadiri oleh Li Qiang; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz; Menteri Perdagangan China, Wang Wentao, anggota delegasi dan juga anggota komuniti perniagaan.

## Tingkat strategi pembangunan

Sementara itu, Li Qiang dalam satu kenyataan dikeluarkan Kementerian Luar China, semalam menegaskan China akan bekerjasama dengan Malaysia untuk meningkatkan sinergi dalam strategi pembangunan.

Kedua-dua negara juga akan memanfaatkan sepenuhnya kekuatan pelengkap dan mempromosikan kemajuan kukuh dalam projek utama seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Dua Negara, Dua Taman.

Selain itu, China akan mengembangkan perdagangan dan pelaburan dengan Malaysia, meluaskan kerjasama dalam bidang logistik, tenaga baharu, kecer-

dasan buatan, ekonomi digital, dan peralatan kereta api serta mempertingkatkan kerjasama dalam pembasmian kemiskinan, untuk mencapai manfaat bersama yang lebih baik.

“Kedua-dua negara juga perlu memperdalam pelancongan, pendidikan, belia, hubungan subnasional, pertukaran antara rakyat dan budaya, serta memudahkan perjalanan rentas sempadan antara kedua-dua pihak,” katanya.

Li Qiang tiba di Malaysia untuk lawatan rasmi tiga hari dan ia adalah kunjungan sulung beliau ke negara ini sejak memegang jawatan Perdana Menteri pada Mac 2023.

Lawatan ini juga bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia - China, susulan pemetaraan Kenyataan Bersama antara Perdana Menteri kedua Tun Abdul Razak Hussein dan Perdana Menteri China pada masa itu, Chou En Lai pada 31 Mei 1974.

China kekal sebagai rakan dagang terbesar Malaysia selama 15 tahun sejak 2009, dengan jumlah perdagangan berjumlah RM450.84 bilion (AS\$98.90 bilion) pada 2023. BERNAMA



Anwar bersama Li Qiang pada majlis makan tengah hari Komuniti Perniagaan China dan Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)